



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/2/2011

PKR Selangor lakukan perbuatan salah

SHAH ALAM 11 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan keputusan kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor membiayai kos perundangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Muda, Shuhaimi Shaflei sebagai perbuatan salah dan tidak seharusnya dilakukan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, wang kerajaan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya dan hanya boleh dibelanjakan mengikut kategori-kategori yang ditentukan.

"Jika kita guna wang kerajaan dengan tidak ambil kira kategori yang kita belanja, itu adalah perbuatan salah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan biasiswa Yayasan Proton berjumlah RM1 juta kepada 13 pelajar peringkat ijazah sarjana muda yang sedang menuntut di universiti tempatan di kilang Proton Holding Berhad di sini hari ini.

Beliau yang juga Penasihat Proton mengulas keputusan kerajaan PKR Selangor membiayai kos perundangan Shuhaimi yang dituduh mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan berhubung satu entri dalam blognya yang didakwa menghina Sultan Selangor.

Dalam pada itu, mengulas hasrat kerajaan negeri Selangor untuk menubuhkan pasukan keselamatan sendiri, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak perlu diberi kebenaran.